

**SOALAN NO: 151**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes leptospirosis di Malaysia sehingga Mei 2014 mengikut negeri dan daerah serta jumlah kematian yang diakibatkan penularan wabak tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bilangan kes leptospirosis yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut :

- 2010 : 1,976 kes termasuk 69 kematian
- 2011 : 2,268 kes termasuk 55 kematian
- 2012 : 3,665 kes termasuk 48 kematian
- 2013 : 4,475 kes termasuk 71 kematian

Bagi tahun 2014 (sehingga 24 Mei 2014), sebanyak 2,474 kes termasuk 23 kematian Leptospirosis telah dilaporkan ke Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Manakala bagi bilangan kematian yang disebabkan oleh wabak Leptospirosis dari tahun 2010 sehingga 24 Mei 2014 ialah seperti berikut:

- 2010 : 3 kematian
- 2011 : 1 kematian
- 2012 : 3 kematian
- 2013 : 2 kematian
- 2014 : 2 kematian (sehingga 24 Mei 2014)

Manakala, bilangan wabak yang dilaporkan ke KKM dari tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut :

- 2010 : 7 episod
- 2011 : 17 episod
- 2012 : 25 episod
- 2013 : 28 episod

Bagi tahun 2014 (sehingga 24 Mei 2014), adalah sebanyak 13 episod wabak leptospirosis.

Sebelum penyakit Leptospirosis diwartakan sebagai penyakit yang perlu dilaporkan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 pada 9 Disember 2010, kes-kes Leptospirosis hanya dilaporkan oleh hospital KKM.

Peningkatan kejadian Leptospirosis di negara ini mungkin merupakan peningkatan sebenar kes atau mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti meningkatnya kesedaran masyarakat dan pengamal perubatan mengenai penyakit ini, wujudnya keperluan notifikasi penyakit oleh pengamal perubatan, peningkatan kemudahan makmal dan kapasiti mendiagnosa yang lebih baik.

**SOALAN (152)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**DARIPADA : Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI  
[ KUALA NERUS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan perkembangan terkini dan kerjasama yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan Kuala Nerus sebagai daerah ke lapan di Terengganu.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) sedang menyediakan Satu Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus di mana kajian ini telah dijalankan pada tahun 2013 oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama JPBD Semenanjung Malaysia, Pejabat Projek Zon Timur & JPBD Negeri Terengganu. Kajian RKK berkenaan telah melalui peringkat publisiti dan proses bantahan awam bermula pada 19 September 2013 (30 hari). Kini laporan berkenaan telah disiapkan dan menunggu tarikh untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan.

Komponen cadangan pembangunan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus adalah :-

- i. Jalan masuk utama;
- ii. Pejabat-pejabat kerajaan;

- ii. Kemudahan-kemudahan awam;
- iv. Kawasan lapang dan taman;
- v. Perparitan;
- vi. Kawasan perniagaan; dan
- vii. Perumahan rakyat, kos sederhana dan tinggi

Selain itu, Kerajaan Negeri Terengganu juga telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan Daerah Kuala Nerus melalui persempadanan semula Daerah Kuala Terengganu kepada Kementerian. Kertas cadangan tersebut juga telah dibentangkan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Saiz Perkhidmatan Awam (JPSPA) Bil.1/2014 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 9 April 2014 yang lalu. Kertas cadangan berkenaan seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk persetujuan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]  
**TARIKH** : 9 JUN 2014 (ISNIN)  
**SOALAN** : Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah keluaran tanaman jagung dalam negara dan apakah bentuk insentif yang diberikan kepada pengusaha tanaman tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah pengeluaran tanaman jagung negara pada tahun 2013 adalah sebanyak **17,499.02 tan metrik** dengan nilai pengeluaran sebanyak **RM25,067,426.24**. Jagung yang dikeluarkan adalah untuk dimakan segera dan bukannya bagi pengeluaran untuk makanan ternakan.

Pada masa ini, tiada insentif khusus diberikan kepada penanam jagung di negara ini. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian ada menyediakan bantuan dari segi khidmat nasihat berkaitan teknologi tanaman serta pengurusan tanaman kepada petani terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 155**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan Sistem Daftar Kenderaan Tanpa Sempadan yang diperkenalkan yang membolehkan pendaftaran nombor plat kenderaan mengikut negeri pilihan melalui sistem mySIKAP membantu proses pendaftaran kenderaan; dan
- (b) adakah melalui sistem baharu yang diperkenalkan ini secara tidak langsung akan meningkatkan bidaan harga pembelian nombor plat pilihan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Daftar Kenderaan Tanpa Sempadan atau “*Borderless Registration*” merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Transformasi JPJ ke arah penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada orang awam. Sistem ini merangkumi dua modul iaitu pembelian nombor pendaftaran secara atas talian (*online*) dan pendaftaran kenderaan secara atas talian (*online*). Dengan pelaksanaan sistem ini, bakal pemilik kenderaan boleh membeli nombor pendaftaran kenderaan secara *online* melalui portal JPJ tanpa perlu hadir ke pejabat JPJ negeri yang berkenaan.

Pembelian nombor pendaftaran ini hanya boleh dilakukan oleh bakal pemilik kenderaan tanpa campur tangan orang tengah atau agen, dengan syarat mereka telah pun mendaftar sebagai pengguna perkhidmatan *online* dan mendapat ID mySIKAP. Sebagai contoh, individu yang menetap di Johor Bahru boleh membeli nombor pendaftaran siri W secara *online* tanpa perlu hadir ke JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Nombor pendaftaran kenderaan yang telah dibeli akan disimpan dalam pengkalan data mySIKAP untuk tujuan pendaftaran kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, modul pendaftaran kenderaan di bawah sistem “*Borderless Registration*” juga membenarkan syarikat pengedar atau penjual kenderaan mendaftarkan kenderaan pelanggan mereka secara *online*

tanpa perlu hadir ke pejabat JPJ. Pada fasa pertama yang bermula pada 1 April 2014 yang lalu, empat buah syarikat pembuat dan pemasang kenderaan tempatan iaitu Proton, Perodua, Honda dan Toyota, melalui syarikat pengedar mereka, telah melaksanakan sistem pendaftaran kenderaan secara *online* ini. Dalam hal ini, pembeli kenderaan bagi keempat-keempat model ini boleh meminta pihak penjual mendaftarkan kenderaan mereka secara *online* tanpa perlu mengemukakan dokumen ke pejabat JPJ negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan bidaan harga pembelian nombor plat, adalah dimaklumkan bahawa buat masa ini, sistem pembelian nombor pendaftaran secara *online* hanya dibuka untuk pembelian nombor semasa (*running number*) sahaja. Oleh itu, harga belian adalah tetap iaitu sebanyak RM210.00. Nombor bernilai utama, menarik dan popular seperti nombor 1, 11, 22, 3131, 333, 8181 atau 8888 masih diperuntukkan secara tawaran bidaan sedia ada dan belum boleh dibeli secara *online*. Walau bagaimanapun, JPJ sedang mengkaji mekanisme untuk membolehkan bidaan nombor pendaftaran dibuat secara *online*.